

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 5/1997

SEKATAN PERMIT PINDAAN BAGI BATU KAPUR, BATU GRANITE DAN BATU MARMAR YANG TIDAK DIPROSES SIAP KE LUAR NEGERI KELANTAN

(SEKSYEN 71 KTN DAN SEKSYEN BERKAITAN PERATURAN-PERATURAN KAWALAN YANG BOLEH DITAMBAH DI BAWAH SEKSYEN 14 KTN OLEH PIHAK BERKUASA NEGERI).

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Pihak Berkuasa Negeri telah bersetuju membuat keputusan sebagaimana berikut:-

Bahan-bahan batuan, batu kapur, batu marmar dan batu granite yang **tidak diproses siap dikenakan sekatan pemindahan untuk dibawa keluar daripada Negeri Kelantan** kepada pemegang-pemegang permit mengikut kuasa diperuntukan bagi maksud kawalan oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah Seksyen 14 KTN.

2. Sekatan di atas hendaklah ditulis/cop pada permit bahan-bahan tersebut yang dikeluarkan oleh Pihak Pentadbir-Pentadbir Tanah sebagai syarat tambahan pada permit.
3. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

t.t

(Dato' Haji Nik Aznan Shah bin Dato' Nik Abdullah)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.

KEPADA:

YABrs. Semua Pentadbir Tanah Jajahan
Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. Y.A.B Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. Y.B Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. Y.B Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.
4. Y.B.M. Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
5. Y.B.Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
6. Y.A.Brs Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri Kelantan.
7. Y.A.Brs. Pengurus Besar KESEDAR.
8. Y.A.Brs. Pengarah Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan.
9. Y.Brs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
NEGERI KELANTAN,
BLOK 3, KOTA DARULNAIM,
15576 KOTA BHARU.**

**FAIL: PTG.KN.4485/(91)
PTG.KN.20/3/8(17)**

**BERTARIKH : 19 RABIUL AWAL 1418H
24 JULAI 1997**